

PM bukan Melayu: Nik Aziz akui helah politik

18

13 NOV 1999
Oleh WAN ZULKIFLI
WAN YAACOB

KOTA BHARU 12 Nov. — Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengakui kesediaannya menerima bukan Islam di kalangan pemimpin DAP menjadi Perdana Menteri, hanya satu helah politiknya sahaja.

Ini kerana katanya, DAP tidak mungkin berpeluang memegang jawatan itu dalam tempoh lebih 30 tahun akan datang.

Mursyidul Am Pas itu juga mendakwa kenyataannya yang menyokong orang bukan Islam dan bukan Melayu menjadi Perdana Menteri hanya helah untuk memerangkap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mempercepatkan pilihan raya umum ini.

Selain itu, kata beliau, dengan menjanjikan jawatan Perdana Menteri kepada orang bukan Islam dan bukan Melayu termasuk dari DAP adalah langkah awal mendekatkan

golongan bukan Islam ke arah penerimaan perjuangan Islam.

Hanya Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kata beliau, yang pintar mentafsirkan helahnya dengan menyifatkan kenyataan yang dibuatnya itu sebagai satu 'sandiwara'.

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Besar Kelantan mempertahankan sokongannya berhubung orang bukan Islam dan bukan Melayu menjadi Perdana Menteri kerana ia bukanlah suatu kesalahan kerana perlembagaan negara sebenarnya mengizinkan.

"Bila UMNO sendiri tak boleh beri kepada orang Cina memegang jawatan Perdana Menteri sedangkan perlembagaan mengizinkan, ini bererti UMNO telah menipu MCA," katanya ketika menyampaikan ceramah mingguan di pejabat Pas di sini, hari ini.

Katanya, pimpinan DAP sendiri mengakui mereka tidak boleh menja-

di Perdana Menteri dalam tempoh yang singkat tetapi menyifatkan kesediaan Pas itu sebagai liberal dan 'bagus'.

Beliau menegaskan pimpinan DAP sebenarnya faham soal berkenaan dan tidak bercadang menyanggah jawatan itu kerana memahami keadaan apatah lagi keputusan telah dibuat bahawa jawatan itu dikhaskan untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga menekankan, walaupun Pas didakwa mengetepikan matlamat perjuangannya kerana mahu membentuk pakatan pembangkang bersama DAP, matlamat pembentukan negara Islam sebenarnya tetap terkandung dalam manifesto.

"Dalam manifesto itu ada termaktub di tiga tempat yang terangkan Islam sebagai Addin (cara hidup), bila kita menang, sebuah jawatankuasa kehakiman syarak akan diwujudkan," tegasnya.

Menyentuh mengenai

kecaman oleh pelbagai pihak terhadapnya ekoran kenyataan yang dianggap mencabar dan menghina ketuanan Melayu, beliau berkata, sepatutnya penekanan diberikan terhadap ketuanan Islam.

Kata beliau, sekiranya Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik memeluk Islam, umat Islam di negara ini pastinya akan turut menerima kepimpinan beliau.

Katanya, dengan membuka pintu kepada pimpinan bukan Islam (berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam manifesto) adalah tiruan daripada dengan strategi kepimpinan Rasulullah ke arah kemenangan Islam pada masa panjang.

"Ini langkah pertama. sekarang ini kita kata tak terima Islam pun tak apa. DAP dikenal sebagai parti jahat di kalangan orang Cina dan Pas di kalangan Melayu dan kita bekerjasama," ujarnya.